



**TEKS  
KHUTBAH  
FEBRUARI 2025  
NEGERI PAHANG**



## NISFU SYAABAN

**7 FEBRUARI 2025 / 8 SYAABAN 1446H**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.

مَنْ يَهْدِهِ اللّٰهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِي لَهُ.

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللّٰهِ ، إِتَّقُوا اللّٰهَ وَأُووصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يُتَّقُوا اللّٰهُ ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah di dunia dan akhirat.



## Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ‘Azza wa Jalla,

Sesungguhnya, kehidupan manusia sentiasa terdedah dengan dosa. Tiada yang maksum, melainkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam. Namun demikian, Allah itu Maha Adil. Allah tidak pernah membiarkan manusia dalam keadaan berterusan bergelumang dengan dosa. Mohonlah keampunan daripada Allah Taala sebanyak-banyaknya setiap masa, lebih-lebih lagi bersempena Nisfu Syaaban pada malam 13 Februari 2025 bersamaan 14 Syaaban 1446H yang akan menjelang tiba.

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam Surah al-Shura ayat 25 hingga 26:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَهُوَ الَّذِي يَقْبِلُ التَّوْبَةَ عَنِ عِبَادِهِ وَيَغْفُرُ عَنِ السَّيِّئَاتِ وَيَعْلَمُ مَا تَفْعَلُونَ

وَيَسْتَحِبُّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَيَزِيدُهُمْ مِنْ فَضْلِهِ وَالْكَافِرُونَ

لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ

**Yang bermaksud:** “Dan Dia lah Tuhan yang menerima taubat dari hamba-hambanya (yang bertaubat) serta memaafkan kejahanan-kejahanan (yang mereka



*lakukan); dan Dia mengetahui akan apa yang kamu semua kerjakan. Dan Dia memperkenankan doa permohonan orang yang beriman serta beramal soleh, dan Ia menambahi mereka dari limpah kurnia-Nya (selain dari yang mereka pohonkan). Dan (sebaliknya) orang yang kafir, disediakan bagi mereka azab seksa yang seberat-beratnya.”*

### **Sidang Jumaat sekalian,**

Antara kasih sayang Allah Ta’ala kepada kita jua, ialah dipilih beberapa tempat dan masa yang mustajab untuk memohon pengampunan dan hajat. Antara waktu yang digalakkan oleh syariat untuk berdoa dan memohon pengampunan, ialah ketika malam Nisfu Syaaban. Dalam hadith Mu’az bin Jabal Radiallahu Anhu, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi wa Sallam bersabda:

**بَطَّلَ اللَّهُ إِلَى حَقْهِ فِي لَيْلَةِ النِّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَعْفُرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكِ أَوْ مُشَاجِنِ**

**Yang bermaksud:** “Allah Taala melihat makhluk-Nya pada malam nisfu Sya’ban kemudian mengampunkan semua makhluk-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan”.



Pada malam Nisfu Syaaban, secara tradisinya banyak masjid dan surau menganjurkan bacaan surah Yasin sama ada sekali atau tiga kali secara berjemaah. Hakikatnya, amalan ini bukanlah diperkenalkan di Nusantara sahaja, tetapi pernah diamalkan oleh umat Islam terdahulu termasuk di bumi Syam. Dalam kitab Fadhai'l al-Syuhur wa al-Ayyam, Imam al-Nablusi Rahimahullah menyatakan bahawa antara amalan para soleh pada malam Nisfu Syaaban selepas Maghrib, ialah membaca surah Yasin sebanyak tiga kali.

Imam Ibnu Rajab al-Hanbali Rahimahullah pula berkata: “*Pada malam Nisfu Syaaban, para Tabi'in daripada kalangan penduduk Syam mengagungkannya dan bersungguh-sungguh menunaikan ibadah pada malam tersebut. Mereka mendirikan solat-solat sunat di dalam Masjid pada malam Nisfu Syaaban.*”

Imam al-Shafi'i pula berpandangan bahawa malam nisfu Syaaban adalah merupakan salah satu daripada malam yang dimustajabkan doa.

**Sidang Jumaat yang dimuliakan Allah Taala,**



Inilah antara kemuliaan yang terdapat dalam bulan Syaaban, yang merupakan pintu gerbang menjelang ketibaan bulan Ramadan. Ramai ulama yang menyatakan kedudukan beribadah pada bulan ini, seperti kedudukan solat sunat rawatib qabliyyah sebelum solat fardu. Tidak hairanlah para salafussoleh akan memperbanyakkan amalan soleh mereka pada bulan Syaaban ini, sebagai persiapan masuk ke pesta ibadah dalam bulan Ramadan.

Menurut Saidina Anas bin Malik: “*Sesungguhnya orang Islam pada zamannya apabila masuk bulan Syaaban, akan membuka mushaf al-Quran mereka lalu membacanya (dengan banyak sebagai persiapan untuk Ramadan).*”

Imam Ibnu Hajar al-Asqalani pula menyatakan: “*Diriwayatkan bahawa sebahagian salaffussoleh mengeluarkan zakat harta mereka dalam bulan Syaaban dengan tujuan agar orang miskin yang kurang berkemampuan boleh menjalani ibadah puasa dalam bulan Ramadan.*”

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasaie, Usamah bin Zayd Radiallahu Anhu berkata:

“*Wahai Rasulullah, aku tidak pernah melihat engkau berpuasa dalam mana-mana bulan seperti engkau berpuasa dalam bulan Syaaban,*” Maka Baginda Sallallahu



*Alaihi wa Sallam bersabda: "Itulah bulan yang kebanyakan manusia lalai daripadanya, iaitu antara Rejab dan Ramadan. Ia juga bulan diangkat segala amalan kepada Tuhan sekalian alam. Oleh sebab itu, aku suka apabila amalanku diangkat sedang aku berpuasa."*

Berdasarkan hadis ini adalah sunat berpuasa pada bulan Syaaban termasuk hari Nisfu Syaaban sebagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengharapkan amalan Baginda diangkat dalam keadaan Baginda berpuasa.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,**

Mimbar menyeru kepada seluruh umat Islam agar:

**PERTAMA:** Menghidupkan malam Nisfu Syaaban dan bulan Syaaban dengan ibadah yang pelbagai, seperti membantu orang yang susah, membaca al-Quran, memperbanyakkan ibadah puasa sunat dan amalan yang lain.

**KEDUA:** Memperingatkan ahli keluarga masing-masing khasnya wanita, untuk mengantikan puasa sekiranya belum diqada' dengan segera.



**KETIGA:** Diperingatkan juga dalam qaul muktamad Mazhab Shafi'i, bahawa berpuasa selepas pertengahan bulan Syaaban adalah makruh bagi sesiapa yang tidak biasa berpuasa dengan hari sebelumnya.

**KEEMPAT:** Perbanyakkanlah amal ibadah pada bulan ini, khasnya pada malam Nisfu Syaaban dengan menganjurkan majlis bacaan al-Quran seperti bacaan surah Yasin atau majlis zikir. Pohonlah keampunan dari Allah pada malam Nisfu Syaaban, kerana berdasarkan hadis, dosa hamba-hamba-Nya akan diampunkan pada malam tersebut kecuali golongan musyrik yang menyekutukan Allah dan golongan yang saling bermusuhan sesama manusia.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Taala,**

Kesimpulannya, umat Islam digalakkan untuk menghidupkan malam Nisfu Syaaban dengan berpuasa di siang hari dan beribadah, berdoa serta memohon keampunan daripada Allah Taala di malam harinya kerana ia adalah antara malam yang dimustajabkan doa.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ يَا عِبَادِيَ الَّذِينَ أَسْرَفُوا عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ لَا تَقْنَطُوا مِنْ رَّحْمَةِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَغْفِرُ  
الذُّنُوبَ جَمِيعًا إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.